

Bagi Tujuan Pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985

KKTKW (U) 18/4/2.01 Jld. 3 (35)

Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

14 November, 1989.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 6/1989
:: Pemberian Keutamaan Kepada Kerja-Kerja Ukur Tanah
Bagi Tujuan Pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 ::**

Salah satu syarat utama dalam Akta Hakmilik Strata 1985 yang membolehkan pemaju bangunan membuat permohonan untuk memecah bahagi bangunan bagi tujuan pengeluaran surat Hakmilik Strata ialah tanah berkenaan perlu dipegang di bawah surat hakmilik kekal. Ini bermakna kerja-kerja ukur tanah untuk tujuan tersebut perlu diberi keutamaan yang sesuai supaya pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 dan kehendak Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 2/88 tidak terjejas. Mengikut amalan Jabatan sekarang kerja-kerja Juruukur Tanah Berlesen hendaklah diproses mengikut giliran. Amalan ini mungkin menjejaskan tujuan tersebut di atas.

2. Mulai dari tarikh Pekeliling ini, Pengarah Ukur Negeri hendaklah memberi keutamaan kepada kerja-kerja ukur Juruukur Tanah Berlesen bagi mengeluarkan surat hakmilik kekal yang berkait dengan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 supaya pihak pemaju boleh membuat permohonan pecah bahagi bangunan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.
3. Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan dengan serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Aqihan:

Semua Pengarah Ukur

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Pemetaan
Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan
Timbalan Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)
Penolong Pengarah Ukur Kadastra (P&L)
Penolong Pengarah Ukur Kanan, Jabatan Kerja Raya
Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah
Semenanjung Malaysia

Error! Not a valid embedded object.